



State Mufti's Office
Prime Minister's Office
Brunei Darussalam

Teruskan Beribadat Sunat Walaupun Bukan Di Bulan Ramadhan

(Bahagian Pertama)

(Dengan nama Allah, Segala puji bagi Allah, Selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

Bulan Ramadhan adalah peluang untuk kita meraih pahala yang berlipat kali ganda melalui amalan-amalan fardhu dan sunat. Ini jelas sebagaimana disebutkan dalam sebuah hadits yang diriwayatkan oleh Salman *Radhiallahu 'anhu* ia berkata:

:

()

Maksudnya: *“Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam telah berkhotbah pada hari terakhir bulan Syaaban dengan bersabda: “Wahai manusia sesungguhnya telah datang kepada kamu satu bulan yang agung lagi penuh keberkatan (bulan Ramadhan), iaitu bulan yang ada padanya satu malam yang lebih baik daripada seribu bulan, bulan yang Allah jadikan berpuasa padanya suatu kewajipan dan berqiamullail (beribadat pada malam-malamnya) sebagai amalan sunat. Sesiapa yang mendekatkan dirinya kepada Allah pada bulan itu dengan melakukan amalan kebajikan (amalan sunat) maka ia mendapat pahala seperti melaksanakan perintah*

yang wajib dan sesiapa yang melakukan suatu amalan yang wajib pada bulan Ramadhan maka ia mendapat pahala seperti orang yang melakukan tujuh puluh amalan fardhu.”

(Hadits riwayat Ibnu Khuzaimah)

Rasulullah *Shallallahu ‘alaihi wasallam* suka supaya umatnya melakukan ibadat sunat kerana ganjaran yang diberikan kepada orang yang melakukannya sangat besar. Antara hadits yang menyebutkan tentang ganjaran amalan sunat sebagaimana yang disabdakan oleh Baginda:

:

()

Maksudnya: *“Sesungguhnya Allah telah berfirman: “Barang siapa yang memusuhi waliKu, maka sesungguhnya Aku telah mengistiharkan perang terhadapnya. Dan tiada hambaKu berdamping kepada Aku dengan sesuatu yang lebih Aku sukai daripada dia menunaikan perkara yang Aku fardhukan ke atasnya, dan sentiasalah hambaKu berdamping kepada Aku dengan membuat perkara-perkara yang sunat sehingga Aku kasihkan dia, maka apabila Aku mengasihinya, Aku menjadi pendengarannya yang dia mendengar dengannya, (Aku menjadi penglihatannya yang dia melihat dengannya, (Aku menjadi tangannya yang dia memegang dengannya, (Aku menjadi) kakinya yang dia berjalan dengannya (hatinya dipenuhi dengan kebesaran atau keagungan Allah Ta‘ala sehingga dia mendengar, melihat, memegang dan berjalan sentiasa di dalam pemeliharaan Allah Ta‘ala), jika dia memohon daripadaKu nescaya Aku akan benar-*

benar memberikannya, jika dia memohon perlindunganKu nescaya Aku akan benar-benar melindunginya.”

(Hadits riwayat al-Bukhari)

Maka jelaslah amalan-amalan sunat itu mengandung fadhilat yang besar. Sudah setentunya untuk meraih fadhilat-fadhilat itu adalah dengan mengamalkannya.

Tambahan lagi amalan-amalan sunat itu boleh menampung kecacatan atau kekurangan yang tidak disedari berlaku semasa menunaikan amalan fardhu. Sebagaimana dijelaskan oleh Rasulullah *Shallallahu ‘alaihi wasallam* dalam perkara sembahyang dan lain-lain perkara yang wajib sabdanya:

()

Maksudnya: “*Sesungguhnya yang pertama sekali akan diperhitungkan dari amalan seseorang pada hari kiamat kelak adalah sembahyang fardhunya, jika didapati sembahyang fardhunya sempurna, maka ia akan ditulis sempurna, jika sembahyang fardhunya tidak sempurna, maka Allah memerintahkan (kepada para Malaikat) memeriksa tentang sembahyang sunatnya, kemudian segala amalan lain mengikut perkiraan itu (kekurangan daripada amalan fardhu diambil dari amalan sunat)”*.

(Hadis riwayat An-Nasa‘i)

Perkara amalan-amalan sunat boleh menampung kecacatan atau kekurangan yang tidak disedari berlaku semasa menunaikan amalan fardhu ini ada ditekankan lagi dalam hadits yang lain, Allah *Subhanahu Wa Ta‘ala* berfirman:

()

Maksudnya: *"Periksalah sembahyang hambaKu, apakah cukup ataupun kurang? Kalau cukup catatlah cukup, dan kalau kurang (sembahyang fardhu mereka), maka Allah berfirman lagi: "Periksalah adakah hambaKu ini mempunyai amalan (sembahyang) sunat? Jika ternyata terdapat amalan sembahyang sunatnya, lalu Allah berfirman lagi: Cukupkanlah kekurangan sembahyang fardhu hambaKu itu dengan amalan sembahyang sunatnya. Kemudian diperhitungkanlah amalan-amalan itu menurut cara sedemikian".*

(Hadits riwayat Imam Ahmad)

Di antara amalan-amalan sunat yang perlu dikekalkan ialah seperti sembahyang berjema'ah sama ada di rumah ataupun di masjid, mengerjakan sembahyang-sembahyang sunat, menunaikan puasa-puasa sunat, membaca al-Qur'an dan bersedekah.

Sembahyang Berjema'ah

Ramai di antara kita menghidupkan malam-malam bulan Ramadhan dengan sembahyang berjema'ah sama ada di rumah, lebih-lebih lagi di masjid. Tuntutan sembahyang berjema'ah ini bukan sahaja tertumpu pada bulan Ramadhan sahaja bahkan ia juga dituntut pada bulan yang lain, kerana sembahyang berjema'ah ini mengandungi fadhilat yang besar sebagaimana hadits riwayat Ibnu 'Umar *Radhiallahu 'anhuma* bahawa Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

()

Maksudnya: “*Sembahyang berjema‘ah itu lebih afdal dari sembahyang seorang diri dengan dua puluh tujuh darjat.*”

(Hadits riwayat Muslim)

Sembahyang-Sembahyang Sunat

Selain sembahyang sunat Tarawih yang khusus dilakukan pada bulan Ramadhan terdapat banyak lagi sembahyang-sembahyang sunat yang lain seperti sembahyang sunat Rawatib, sunat Awwabin, Tahajjud, sunat Tasbih, sunat Dhuha, sunat Istikharah dan sunat Witr.

Kesemua sembahyang-sembahyang sunat ini mempunyai dasar pensyariatannya dan mempunyai fadhilat yang besar. Antara fadhilatnya ialah:

1. Sembahyang Sunat Rawatib

o Sembahyang Sunat Rawatib Subuh

Telah sabit dikhabarkan bahawa Rasulullah *Shallallahu ‘alaihi wasallam* tidak pernah meninggalkan sembahyang sunat Fajar (Subuh) ini sama ada ketika Baginda sedang bermukim mahupun ketika Baginda dalam perjalanan (musafir). ‘Aisyah *Radhiallahu ‘anha* telah berkata:

()

Maksudnya: *“Tiada suatu sembahyang sunat pun yang dijaga oleh Nabi Shallallahu ‘alaihi wasallam melebihi dari penjagaannya terhadap sembahyang sunat dua rakaat Fajar (Subuh).”*

(Hadits riwayat Imam al-Bukhari)

Dalam sebuah lagi hadits *hasan shahih*, Sayyidatuna ‘Aisyah Radhiallahu ‘anha telah meriwayatkan bahwasanya Rasulullah Shallallahu ‘alaihi wasallam telah bersabda:

()

Maksudnya: *“Dua rakaat sembahyang sunat Fajar (Subuh) itu lebih baik daripada dunia serta segala isinya.”*

(Hadits riwayat Imam Muslim dan at-Tirmidzi)